

Headline	16 keluarga terjejas tanah runtuh Sungai Ruil kini lebih selesa		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	08 Feb 2024	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	25
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	348 cm ²		
PR Value	RM 22,133		



16 keluarga terjejas tanah runtuh Sungai Ruil kini lebih selesa

CAMERON HIGHLANDS - Sejumlah 16 keluarga Orang Asli yang terjejas dalam kejadian tanah runtuh di Sungai Ruil, di sini pada Oktober tahun lalu kini menarik nafas lega apabila telah di-tempatkan sementara di kuarters bermula Jumaat lalu.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) berkata, pelbagai bantuan juga telah diberikan oleh agensi berwajib bagi meringankan beban semua mangsa terlibat.

"Mangsa tanah runtuh di Sungai Ruil, Cameron Highlands pada 12 Oktober lalu boleh menjalani kehidupan selesa selepas menerima kunci kuarters pempatrick sementara bermula 1 Februari daripada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) Pahang.

"Pihak JAKOA ingin menyampaikan setinggi penghargaan kepada pihak TNB yang telah menjalankan kerja-kerja baik pulih kuarters melibatkan cat, pendawaian semula, piping secara CSR (program khidmat masyarakat) dengan nilai RM103,000 dan pengecualian deposit sewa selama tiga bulan.

"TNB juga berbesar hati memberi sumbangan berupa periuk nasi elektrik



Baderul Sham (dua dari kanan) menyempurnakan Majlis Simbolik Penyerahan Kunci Kuarters TNB Sungai Ruil, Cameron Highlands kepada JAKOA pada Isnin.

kepada setiap ketua isi rumah (KIR) yang mendiami kuarters tersebut sehingga kerja-kerja pembaikan cerun dijangka selesai pada November 2025," katanya

dalam kenyataan pada Rabu.

Dalam kejadian pada 12 Oktober lalu, enam rumah serta tiga motosikal terjejas, dan penduduk diarah me-

ngosongkan kediaman masing-masing atas faktor keselamatan.

Kejadian dikenal pasti berpunca dari paip bawah tanah yang pecah dan kekerapan hujan, terutama pada waktu malam.

Siasatan awal mendapati kerja baik pulih cerun yang runtuh akan mengambil masa dua tahun membatikan peruntukan lebih RM3 juta.

Menurut JAKOA, pada Selasa, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkesempatan menyantuni penduduk terlibat yang berteduh di Dewan Komuniti Sungai Ruil.

Majlis Simbolik Penyerahan Kunci Kuarters TNB Sungai Ruil kepada JAKOA diadakan pada 5 Februari (Isnin), dan disampaikan oleh Pengurus Besar TNB Negeri Pahang, Datuk Baderul Sham Saad.

Hadir sama, Ahli Parliment Cameron Highlands merangkap Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ramli Mohd Nor; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanah Rata, Ho Chi Yang, serta Ketua Pengarah JAKOA, Datuk Sapiah Mohd Nor.